

15 September, 1981

Malay Dilemma ke Bahasa Arab

TELUK ANSON, Isnin — Buku "The Malay Dilemma" dan buku "Menghadapi Cabaran" karangan Dr. Mahathir Mohamad akan dicetak ke dalam Bahasa Arab tidak lama lagi.

Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir, Haji Hasan Adli Arshad telah mengarahkan bahagian penerangan di kedutaannya untuk menterjemah dan mencetak buku-buku tersebut.

Katanya, negara-negara Arab terutama Mesir, Lebanon dan Sudan sangat tertarik dan sentiasa mengambil perhatian berat tentang

perubahan pucuk pimpinan di Malaysia sekarang.

"Untuk memperkenalkan lebih luas lagi kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, saya telah menjalankan inisiatif sendiri untuk menterjemah buku-buku tersebut ke dalam Bahasa Arab.

"Saya yakin terjemahan dua buah buku itu nanti akan mendapat sambutan kerana 200 juta umat Arab memang terkenal sebagai masyarakat yang gemar membaca," katanya. — Bernama.